

**Malaysia Berpeluang Rebut Hadiah Pertandingan Sempena WIHW
Bernama
8 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Malaysia berpeluang merebut hadiah dalam pertandingan sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW)) yang dianjurkan julung kalinya tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Kami di Jabatan Perpaduan bersama beberapa kementerian telah berazam supaya Malaysia mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

"Kita mempunyai keyakinan bahawa dengan adanya keharmonian agama dan antara kaum yang wujud di Malaysia ini, maka kita ada peluang untuk merebut hadiah dan seterusnya mengekalkan keharmonian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia peringkat sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 3, Bandar Kinrara dekat sini Jumaat.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia adalah idea Raja Jordan, Raja Abdullah II yang diketengahkan menjadi resolusi yang diterima pakai di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk disambut pada minggu pertama Februari setiap tahun di negara-negara anggota.

Sementara itu, Koh berkata sejak awal 2009 hingga hujung 2013, sebanyak 5,311 buah Kelab Rukunegara telah ditubuhkan, peningkatan sebanyak 270 peratus daripada 1,430 kelab ditubuhkan pada awal pelancaran.

Beliau berkata di bawah fasa kedua Program Transformasi kerajaan, Jabatan Perpaduan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran mensasarkan peningkatan 70 peratus daripada sekolah di seluruh negara akan menubuhkan Kelab Rukunegara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927062>